

KESESUAIAN BATERI UJIAN KECERGASAN FIZIKAL
PEMAIN AKADEMI BOLA SEPAK

ABU ZARIN B. ABU BAKAR

SARJANA SAINS
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2002

**KESESUAIAN BATERI UJIAN KECERGASAN FIZIKAL PEMAIN
AKADEMI BOLA SEPAK**

ABU ZARIN B. ABU BAKAR

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Sarjana Sains
Di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia.**

Julai 2002

DEDIKASI

**Buat isteriku Rusiah,
Dan anak-anakku mimi, fadiah, firdaus dan anuaruddin.....**

**Terima kasih atas pengorbanan
serta kasih sayang yang kalian berikan kepadaku.
Tanpa kalian kejayaan ini tidak ada ertinya...**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sains

**KESESUAIAN BATERI UJIAN KECERGASAN FIZIKAL
PEMAIN AKADEMI BOLA SEPAK**

ABU ZARIN B. HJ. ABU BAKAR

Julai 2002

Pengerusi : Prof. Dr. Abd. Majid b. Mohd Isa, Ph.D
Ahli : Prof. Madya Wan Salihin Wong b. Abdullah, Ph.D
Mohamad Razali b. Abdullah
Fakulti : Pengurusan dan Ekonomi

Kajian ini adalah satu kajian deskriptif yang bersifat kuantitatif. Matlamat kajian ini ialah membina satu Bateri Ujian untuk menguji kecergasan fizikal pemain Akademi Bola Sepak. Nilai indeks kesahan dan kebolehpercayaan Bateri Ujian serta prestasi kecergasan pemain Akademi Bola Sepak dikaji. Satu norma persentil dibina diakhir kajian.

Bateri ujian ini terdiri daripada tujuh item yang mengukur kapasiti anaerobik, kepantasan larian, kekuatan dan daya tahan otot abdomen, kuasa kaki, kelenturan bahagian pinggul dan belakang badan, ketangkasan larian dan daya tahan kardiovaskular. Kaedah perbezaan kumpulan yang diketahui digunakan bagi menentukan kesahan konstruk Bateri Ujian dengan menggunakan seramai 38 orang pemain Akademi Bola Sepak dan 42 orang pemain ragbi MSST sebagai sampel. Keputusan ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua kumpulan ini. Dengan Analisis Faktor didapati faktor muatan 0.86 bagi pemain bola sepak dan 0.47

bagi pemain ragbi. Data kajian juga menunjukkan bahawa nilai kesahan menggunakan formula alfa Cronbach adalah 0.87. Nilai kolerasi antara item adalah daripada sederhana kepada tinggi menunjukkan Bateri Ujian ini mempunyai kesahan konstruk dan lebih sesuai sebagai alat ukur prestasi kecergasan fizikal pemain bola sepak.

Bagi menentukan prestasi kecergasan fizikal pemain Akademi Bola Sepak dan pembentukan norma persentil seramai 204 subjek dipilih. Hasil ANOVA sehala menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan posisi dalam permainan dan terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pemain negeri ($F(9,194)=3.22, p<0.05$) dan berdasarkan umur ($F(2,201)=5.339, p<0.05$). Ujian statistik sperman-rho memperlihatkan norma persentil kebangsaan mempunyai hubungan positif yang kuat dan signifikan dengan norma persentil kawasan utara, pantai timur dan pantai barat. Dapatan ini merumuskan yang Bateri Ujian dan norma persentil ini sesuai untuk menguji tahap kecergasan fizikal pemain Akademi Bola Sepak.